

Mahathir puas hati persiapan OIC

18/09/03
PUTRAJAYA: Malaysia sudah bersedia dalam menyediakan kemudahan sebagai pengerusi mesyuarat ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang pertama kali diadakan di negara ini Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau diberikan taklimat mengenai semua persiapan untuk persidangan itu termasuk acara dan aspek keselamatan sepanjang persidangan empat hari berkenaan.

"Saya sangat berpuas hati dengan kemajuan yang sudah dicapai tetapi ada perincian yang kena dibuat dan ini akan diuruskan Wisma Putra. Beberapa siri latihan akan diadakan supaya segalanya berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawat kira-kira dua jam ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), yang menjadi lokasi utama persidangan yang akan menemukan pemimpin dan ketua negara 57 negara anggota OIC.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pegawai kanan kerajaan.

Ketika lawatan itu, Perdana Menteri dibawa melihat semua aspek PCC termasuk dewan persidangan yang menjadi medan utama berlangsungnya mesyuarat itu.

Dr Mahathir juga memuji sistem bunyi yang disediakan di dewan utama selain kelengkapan dan peralatan berkaitan di PCC yang dibina dengan kos RM600 juta.

Terletak di puncak tertinggi di Putrajaya, PCC tersergam indah dengan bentuk rekaan Pending yang menggambarkan keunikan seni budaya Melayu.

Dr Mahathir juga berkata, perediaan di luar seperti kenderaan dan anggota pengiring yang lebih 300 orang juga sudah ditetapkan.

"Segala aspek mesyuarat ini sudah diberi perhatian berasaskan pengalaman kita dulu terutama ketika Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan ketika menjadi tuan rumah ketua negara Komanwel (Chogm)," katanya.